

Abdullah Harap Pendidikan Bahasa Arab Dipraktikkan Di Semua Peringkat Sekolah Dan IT
Bernama
14 November , 2011

MELAKA, 14 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi mahukan pendidikan bahasa Arab dipraktikkan secara menyeluruh di semua peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Beliau berkata pendidikan bahasa Arab merupakan satu identiti penting khususnya kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Mereka perlu mempelajari bahasa itu secara lebih mendalam dan praktikal.

"Saya percaya mempelajari bahasa Arab ini di kalangan pelajar-pelajar Melayu tidak akan menjadi satu beban kepada mereka. Ini kerana kaum-kaum lain juga boleh mempelajari bahasa lain seperti bahasa Cina dan Tamil," katanya kepada media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Tamadun Islam dan Identiti Melayu 2011 (ICICMI 2011) di sini, hari ini.

Kira-kira 150 wakil dari dalam dan luar negara menyertai persidangan dua hari itu bermula Isnin.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Prof Zakaria Stapa adalah Pengerusi ICICMI 2011.

Abdullah berkata meskipun terdapat beberapa kekangan namun tidak menjadi masalah untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa penting dalam sistem pendidikan negara.

"Kekurangan tenaga pengajar dan kesedaran masyarakat Melayu tentang kepentingan bahasa Arab merupakan salah satu kakangan yang harus dihadapi namun saya percaya ia bukan satu masalah," katanya.

Abdullah berkata, bahasa Arab merupakan bahasa yang dapat menyatupadukan hubungan antara Malaysia dan negara-negara Arab secara lebih akrab.

"Apabila kita mempelajari bahasa Arab ia memberikan kita satu 'kelebihan' terutamanya di kalangan negara-negara Arab yang sesama Islam," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626833>

